

19/11/1998

Hubungan Kuala Lumpur, Washington tidak terjejas

ul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, hubungan Kuala Lumpur-Washington tidak terjejas dengan salah laku diplomatik Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore.

Perdana Menteri berkata, pendirian Malaysia sudah dijelaskan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Badawi.

"Sudah banyak kenyataan mengenai perkara itu, tidak perlu saya ulas lagi," katanya dalam sidang akhbar selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di sini hari ini.

Dalam sidang akhbar itu, beliau banyak ditanya oleh wartawan asing mengenai sokongan terbuka Gore kepada kumpulan yang berdemonstrasi sejak Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat pada 2 September lalu.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir menjelaskan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, ada menyampaikan pandangannya mengenai Anwar dan beliau pula mengemukakan pendapatnya.

Menurutnya, beliau tidak mengadakan mesyuarat dua hala dengan Chretien kerana masa tidak mengizinkan memandangkan pemimpin 21 negara hadir pada sidang kemuncak Apec kali ini.

"Saya sempat mengadakan perjumpaan dua hala dengan beberapa pemimpin dan tidak dapat menemui yang lain. Ini adalah biasa," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada mesyuarat pemimpin di Cyberview Lodge pagi tadi membincangkan soal demokrasi yang turut ditimbulkan oleh Gore dalam ucapannya malam kelmarin, Perdana Menteri berkata:

"Seingat saya tidak, tetapi kita membincangkan mengenai sikap keterbukaan, keteluasan dan pentadbiran baik."

Dr Mahathir turut diminta memberi pandangan mengenai kaitan pensejagatan politik dengan pensejagatan ekonomi.

"Pensejagatan ekonomi ketara mempunyai kesan kepada politik kerana kita boleh melihat bahawa sesetengah kerajaan terjejas oleh pensejagatan ekonomi," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak berasa aib dengan keengganan beberapa pemimpin ekonomi Apec mengadakan pertemuan dua hala dengan beliau serta tunjuk perasaan di Kuala Lumpur sekarang.

"Tidak. Ketika sidang kemuncak Apec di Vancouver tahun lalu, banyak demonstrasi diadakan.

"Tetapi di sini, seorang pemimpin menyatakan kepada saya bahawa beliau terperanjat kerana tidak ada tentera, polis bersenjata dan kereta perisai di atas jalan raya.

"Menurut pemimpin itu, mereka diberitahu oleh media bahawa bandar raya ini penuh api. Ini bukan dinyatakan oleh pemimpin yang menyokong kita tetapi pemimpin yang kurang mesra dengan kita," katanya.

(END)